

26 JANUARI 2018

Lari tinggal motosikal



ANGGOTA polis merampas motosikal milik penagih dadah.

Lari tinggal motosikal

■ Polis, AADK tahan 9 penagih asyik hisap dadah

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafs@hmetro.com.my

Kulim

Keasyikan sembilan lelaki melepaskan dadah terbantu apabila sarang penagihan mereka di Kampung Bukit Chong, Jalan Merbau Pulas dan Sungai Karangan di sini, diserbu polis, kelmarin.

Operasi bersepadu Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kulim dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kulim itu diadakan bermula jam 6.30 pagi hingga 2 petang bagi menangani masalah penagihan dadah di

kawasan berkenaan.

Ketua Polis Daerah Kulim Superintendan Ahmad Nasir Jaafar berkata, pihaknya menerima aduan dan risikan sebelum membuat serbuan di lokasi itu diketuai Inspektor Shahrol Ehsanizam Shaari bersama tujuh anggota dibantu empat anggota AADK.

Menurutnya, operasi itu berjaya menahan sembilan orang berusia 24 hingga 52 tahun dan kawasan sarang penagihan itu turut dimusnahkan.

"Ketika serbuan, mereka yang panik melihat kehadiran pihak berkuasa terus

melarikan diri dengan meninggalkan motosikal, namun gagal apabila berjaya ditahan.

"Dalam operasi itu, polis merampas heroin 3.13 gram dan syabu 0.45 gram," katanya, semalam.

Beliau berkata, dua suspek disiasat mengikut Seksyen 12(2), Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, seorang disiasat mengikut Seksyen 39A(1), ADB 1952, manakala enam lagi suspek diserahkan kepada AADK untuk tindakan mengikut Seksyen 3(1), Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983.

FAKTA
Sarang penagihan turut dimusnah



SEBAHAGIAN penagih dadah yang ditahan dalam operasi bersepadu BSJN.